

## 1. RM338 juta kos baik pulih infrastruktur

TEMERLOH 1 Jan. - Kementerian Kerja Raya memerlukan peruntukan kira-kira RM338 juta bagi membaik pulih infrastruktur termasuk jalan raya, pementasan, longkang dan bahu jalan yang terjejas di negeri-negeri dilanda banjir.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, Zon Timur melibatkan Kelantan, Terengganu dan Pahang memerlukan RM204.3 juta diikuti Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan) sebanyak RM78 juta serta RM55.6 juta lagi bagi Zon Utara (Perak, Kedah dan Perlis).

"Keutamaan kita masa ini adalah bagi memulihkan laluan darat yang terputus terlebih dahulu bagi memudahkan kerja-kerja penghantaran bantuan banjir kepada negeri-negeri terlibat dilakukan.

"Sebanyak 18 jalan dikenal pasti kritikal. Kita akan melakukan kerja-kerja dengan segera, sekurangnya melakukan lencongan dan membuka satu lorong bagi kenderaan menghantar bantuan kepada mangsa banjir," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Bomba dan Penyelamat Temerloh, di sini hari ini.

Menurut Fadillah, sehingga 30 Disember lalu, sebanyak 58 jalan di Pahang, Terengganu (16 jalan) dan masing-masing lima di Kelantan dan Perak ditutup kepada semua kenderaan.

Kata beliau, laluan darat antara Gerik ke Jeli akan dibuka pada 5 Januari ini setelah kerja-kerja pembaikan cerun di laluan itu selesai dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak dan Kelantan.

"Di Pahang terdapat satu jalan negeri dan di Kelantan ada satu jambatan yang terputus. Kita akan bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk memantau dan mengadakan laluan alternatif bagi perhubungan rakyat," katanya.

Beliau berkata, dalam menghadapi situasi banjir kali ini, semua pengarah JKR negeri, jurutera daerah dan syarikat konsesi lebuhraya bertindak sewajarnya mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan berkaitan papan tanda sementara dan arah lencongan jalan.

Katanya, maklumat mengenai penutupan jalan, jambatan dan keruntuhan cerun disalurkan oleh JKR negeri dan daerah ke JKR Pusat yang beroperasi 24 jam untuk memberi maklumat kepada orang ramai.

"Orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai status jalan yang boleh dilalui dengan melayari laman sosial Twitter dan Facebook JKR Malaysia dari semasa ke semasa," katanya.

## **2. Kastam laksana audit dalaman GST hari ini**

KUALA LUMPUR 31 Dis. - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan melakukan proses audit dalaman terhadap semua syarikat serta individu yang membuat pendaftaran untuk cukai barangan dan perkhidmatan (GST) bagi mengesan sebarang aktiviti penipuan dalam perniagaan masing-masing, bermula esok.

Pengarah GST JKDM, Datuk Subromaniam Tholasy berkata, dalam tempoh yang sama pihaknya juga akan menyemak mana-mana syarikat atau individu yang masih belum membuat pendaftaran cukai itu sebelum mengenakan tindakan penalti.

Katanya, bilangan syarikat dan individu yang mendaftar sehingga semalam adalah sebanyak 283,647, sehubungan itu pihaknya menasarkankan lebih 300,000 syarikat termasuk individu perseorangan akan melakukan tindakan yang sama sehingga 11.59 malam ini.

"Buat masa ini, kebanyakan syarikat dan individu perseorangan yang melakukan pendaftaran tersebut terdiri daripada sektor peruncitan serta pelbagai perkhidmatan.

"Bagi memastikan proses pendaftaran ini berjalan lancar, kita telah membekukan cuti kesemua pegawai dan kakitangan Kastam, selain membuka kesemua kaunter di seluruh negara kerana untuk tempoh semalam sahaja sebanyak 10,800 syarikat dan individu membuat pendaftaran GST. Situasi itu menunjukkan masyarakat negara ini memang gemar melakukan kerja di saat-saat terakhir," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Perniagaan dengan jumlah pendapatan tahunan kurang daripada RM500,000 juga digesa mendaftar untuk GST sebagai persiapan bagi masa hadapan.

Kerajaan memberi tempoh sehingga pukul 11.59 malam ini untuk mendaftar bagi menjayakan sistem yang akan dilaksanakan mulai 1 April 2015.

Mengulas lanjut Subromaniam berkata, pihaknya tidak mahu mengenakan penalti kepada mana-mana pihak tetapi sistem baharu ini adalah undang-undang negara, malah kerajaan juga telah memberi tempoh selama enam bulan kepada syarikat untuk melaksanakan pendaftaran tersebut.

Katanya, penalti yang akan dikenakan adalah RM100 bagi mereka yang lewat sehari dan boleh mencecah sebanyak RM15,000 sehingga 31 Mac 2015, seterusnya tindakan undang-undang bakal diambil jika melebihi tempoh tersebut

### **3. Syor Cameron Higlahlands jadi panduan atasi teroka haram**

PUTRAJAYA 5 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berharap syor yang diperakukan bagi mengatasi masalah di Cameron Highlands, Pahang akan dijadikan panduan oleh pihak berkuasa bagi mengatasi masalah pembalakan haram dan penerokaan secara tidak sah di tempat lain.

SPRM dalam kenyataannya berkata, semua sedia maklum bahawa pencerobohan secara haram bukan sahaja berlaku di Cameron Highlands dan Lojing, Kelantan, tetapi masalah sama juga dilaporkan di negeri-negeri lain.

"Masalah banjir juga diakibatkan oleh pembalakan sah yang tidak tersusun dan tidak dipantau rapi oleh agensi penguat kuasa," kata SPRM dalam kenyataannya di sini hari ini.

SPRM sebelum ini telah mengemukakan 12 syor kepada kerajaan Pahang, antaranya penentuan dasar yang jelas berhubung pembangunan Cameron Highlands bagi memudahkan hala tuju penguatkuasaan dan pentadbiran tanah di kawasan tersebut. Dalam pada itu, Mingguan Malaysia Ahad lalu melaporkan penerokaan hutan sebagai punca yang menyebabkan bencana banjir terburuk dan tanah runtuh di beberapa negeri.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan memberitahu akhbar bahawa pembalakan yang berleluasa mempunyai kaitan dengan amalan rasuah.

Presiden Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlands (Reach), R. Ramakrishnan pula mencadangkan sistem penggiliran lokasi bertugas dilaksanakan terhadap pegawai di Pejabat Tanah dan Jabatan Perhutanan bagi menyekat perbuatan salah guna kuasa dan amalan rasuah.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob walau bagaimanapun menafikan banjir besar di negeri tersebut berpunca daripada kegiatan pembalakan yang tidak terkawal di Hulu Kelantan tetapi memberitahu bencana itu disebabkan hujan lebat yang berterusan di Gua Musang dari 21 hingga 23 Disember.

Mengulas tentang laporan Mingguan Malaysia itu, SPRM berkata, pihaknya akan menghubungi PPIM dan Reach bagi mendapatkan butiran lanjut tentang aktiviti pembalakan yang dikatakan mempunyai kaitan dengan rasuah.

SPRM pada masa yang sama meminta semua pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyampaikan maklumat dan bukti aktiviti rasuah supaya tindakan boleh diambil."SPRM menghargai pandangan pelbagai pihak yang dikeluarkan menerusi media kebelakangan ini.

"Kami hanya boleh menjalankan siasatan terperinci jika ada maklumat yang tepat dan mencukupi," kata kenyataan itu.

#### **4. Kerosakan kesan bencana banjir disiasat terperinci – Rosnah**

KOTA BELUD 5 Jan. – Kementerian Kerja Raya akan menjalankan siasatan terperinci berhubung kerosakan bangunan, jalan raya dan lebuh raya di negeri-negeri yang terjejas ekoran bencana banjir.

Timbalan Menteri, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, pasukan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) termasuk di peringkat jurutera daerah akan ditugaskan untuk mengenal pasti kerosakan dan kos pembaikan infrastruktur.

Menurut beliau, pasukan itu juga akan membuat penilaian jumlah kerugian terhadap semua kemudahan yang disediakan kerajaan itu.

"Setakat ini, kementerian belum dapat menganggarkan jumlah kerugian dan ini dijangka dapat diketahui selepas banjir surut," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan mangsa banjir di pekarangan Dewan Masyarakat Tun Said di sini semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah; Pegawai Daerah Kota Belud, Abdul Gari Hitam dan Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Kota Belud, Fadli Juanas.

Selain mengagihkan bantuan, Rosnah turut meninjau kawasan persekitaran yang masih ditenggelami air dan melawat mangsa banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taun Gusi Kota dan Rumah Anak Yatim Darul Bakti Kota Belud.

Dalam majlis tersebut, UMS turut menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di daerah Kota Belud.

Mengulas lanjut Rosnah berkata, musibah banjir yang berlaku kali ini di beberapa buah negeri telah menyebabkan kerosakan teruk terhadap kemudahan awam seperti bangunan, jambatan dan jalan raya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, bukan sahaja Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak yang mengalami bencana banjir besar, malah Sabah juga tidak terkecuali apabila beberapa buah daerah ditenggelami air.

"Di peringkat daerah, jurutera daerah akan membuat tinjauan dan laporan untuk dikemukakan kepada pihak kementerian yang akan menyediakan peruntukan segera bagi memperbaiki segala kerosakan kemudahan awam yang berada di bawah tanggungjawab kementerian," katanya.

Bagaimanapun, menurut beliau, bagi kes-kes yang tidak memerlukan peruntukan seperti pembersihan timbunan tanah serta sampah sarap di kawasan jalan raya dan jambatan akan dilaksanakan secepat

mungkin selepas banjir pulih agar pengguna dapat menggunakan kemudahan tersebut seperti sedia kala.

Diminta mengulas kerosakan yang berlaku di negeri ini, Rosnah berkata, pihaknya masih belum menerima sebarang laporan berhubung kerosakan kemudahan awam seperti jalan raya dan jambatan ekor an banjir kali ini.



Selasa ,6 Januari 2015

#### 5. KTMB rugi RM250 juta

KUALA KRAI 5 Jan. - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menganggarkan kerugian hampir RM250 juta akibat kerosakan infrastrukturnya di negeri-negeri Pantai Timur yang dilanda banjir.

Pengerusinya, Datuk Ir Nawawi Ahmad berkata, bagaimanapun anggaran itu belum muktamad dan KTMB dijangka menggunakan khidmat jawatankuasa bebas untuk menentukan kerugian sebenar.

"Kita masih dalam proses check satu satu detail. Saya sudah bincang dengan Presiden (Datuk Elias Kadir) tadi. Dia kata mungkin perlu ada badan berasingan untuk nilai anggaran. Tapi buat masa sekarang kita anggarakan sekitar RM250 juta.

"...dan ini termasuk kerosakan pada kuarters, signalling, track, lokomotif, mesin-mesin, rolling stocks dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas meninjau kemusnahan di Stesen Kereta Api Kuala Krai, di sini hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan perkhidmatan tren di laluan Pantai Timur terpaksa dibatalkan disebabkan beberapa landasan dinaiki air dan beberapa stesen terjejas teruk akibat banjir lumpur.

Tinjauan Bernama sebelum ini mendapati beberapa tren turut dinaiki air manakala sebahagian struktur jambatan besi untuk laluan tren di Kemubu hanyut akibat arus deras.

Pada sidang media itu, Nawawi turut menegaskan pengurusan KTMB akan memberi keutamaan kepada proses membaik pulih landasan dan stesen yang terjejas di antara Gemas dan Gua Musang.

"Proses penyenggaraan bagi laluan di Kelantan memerlukan masa yang agak lama untuk kita baiki. Jadi kita minta pengurusan untuk lihat bagaimana kita dapat segerakan operasi dari Gemas ke Gua Musang.

"Untuk bahagian yang terjejas teruk seperti jambatan Kemubu yang terputus, kita mungkin memerlukan masa yang panjang untuk baiki. Jadi kita sedang mengambil kira cadangan untuk menyediakan bas dari stesen yang terjejas teruk ke stesen seterusnya," katanya.

Beliau berkata laluan *Gemas-Gua Musang* diberi keutamaan buat masa kini kerana ia antara laluan sibuk dan digunakan oleh ribuan pekerja, para peniaga dan anak-anak untuk ke sekolah.

Nawawi turut memberi jaminan pengurusan KTMB akan mengutamakan kebajikan petugas serta keluarga mereka, terutamanya dalam soal wang, kediaman dan persekolahan anak-anak.

"Hari ini pengurusan buat keputusan membayar duit *ex gratia* RM500 seorang atau minimum setengah bulan gaji. Yang kedua, dalam minggu ini, kita akan release lagi RM500 untuk bantuan banjir, dan RM1,000 di bawah jawatankuasa kebajikan KTMB.

"Diharap bantuan ini dapat membantu petugas menguruskan hal sekolah anak-anak, di samping keputusan kerajaan untuk mempercepatkan BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia)," katanya. - BERNAMA

Beliau berkata petugas-petugas yang kawasan mereka terjejas teruk mungkin akan ditempatkan di kawasan lain mengikut skop tugas masing-masing.

Beliau turut meminta pengurus stesen kawasan yang terjejas supaya mendapatkan kuarters sementara bagi petugas-petugas yang kediaman mereka musnah akibat banjir.

Nawawi turut melahirkan penghargaan kepada Rejimen Pakar Pengendalian Keretapi ke-50 Rejimen Askar Jurutera Diraja atas komitmen mereka ketika terlibat dalam operasi menyelamatkan mangsa banjir serta membantu membersihkan landasan dan stesen yang terjejas. - BERNAMA



Rabu ,7 Januari 2015

## **6. Tangani salah laku penjawat awam**

PADA penghujung tahun 2014, Hong Kong yang menjadi model misi pencegahan rasuah bagi banyak negara sekali lagi menjadi perhatian dunia. Kali ini disebabkan dua perkara. Pertama, bekas Ketua Setiausaha Pentadbiran Wilayah Hong Kong dan pemimpin kanan syarikat hartanah tersohor dunia didapati bersalah berhubung tuduhan salah laku dan rasuah.

Thomas Kwok dituduh berkomplot dengan Rafael Hui, bekas nombor dua pentadbiran wilayah itu. Panel juri memutuskan Rafael Hui, 66, bersalah berhubung lima tuduhan termasuk salah laku ketika menjawat jawatan kerajaan.

Ia disusuli dengan kenyataan Pengerusi Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Bebas Pencegahan Rasuah (ICAC) Hong Kong, George Hui Chung-ming, yang mengumumkan pihaknya mengambil langkah mengetatkan kod etika membabitkan penjawat awam.

Langkah ini termasuklah peraturan ketat yang menghalang menerima hadiah bernilai bawah HK\$500 tanpa kelulusan pegawai kanan masing-masing. ICAC menyifatkan langkah mengemas kini kod etika versi tahun 2000 sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan salah laku di kalangan penjawat awam.

Kes membabitkan Rafael Hui merupakan antara kes penting dan utama berkaitan salah laku penjawat awam kebelakangan ini di Hong Kong.

Meskipun Hong Kong mempunyai peruntukan berkaitan salah laku penjawat awam, tetapi jarang sekali kes berkaitan aspek ini dibawa ke mahkamah. Ini merupakan kes terbesar dalam tempoh lebih sedekad yang lalu.

Di Malaysia keperluan ke arah itu turut mendapat perhatian kebelakangan ini. Undang-undang berkaitan salah laku di kalangan penjawat awam perlu digubal bagi membolehkan masalah ketirisan dan pembaziran dalam pengendalian kewangan agensi kerajaan seperti mana didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Ada pandangan mengatakan peruntukan sedemikian penting bagi mengambil tindakan ke atas penjawat awam yang tidak amanah serta sambil lewa dalam menjalankan tugas, tetapi dalam kebanyakan situasi tidak dapat dikenakan tuduhan di bawah undang-undang rasuah dan penyelewengan secara langsung.

Australia dan Hong Kong juga telah memperkenalkan peruntukan salah laku khusus untuk mendakwa penjawat awam yang tidak menjalankan tugas dengan amanah.

Di Hong Kong menerusi Common Law yang mana penjawat awam boleh didakwa di mahkamah walaupun tiada bukti kukuh terhadap salah laku membabitkan perbuatan rasuah di kalangan mereka.

Melalui undang-undang yang aktif dikuatkuasakan sejak 15 tahun di Hong Kong, penjawat awam yang menyalahgunakan kuasa atau melibatkan perbuatan rasuah membabitkan hubungan persaudaraan dengan penjawat awam boleh dikenakan tindakan.

Pakar undang-undang berpandangan bahawa undang-undang seumpama ini sehingga kini didapati amat berkesan bagi membendung perbuatan rasuah dan salah laku di kalangan penjawat awam di Hong Kong yang mana beberapa kes berjaya dibawa ke mahkamah dan pelaku menerima hukuman setimpal.

Yang terbaru adalah kes membabitkan syarikat hartanah dan bekas Ketua Setiausaha Pentadbiran Hong Kong.

Pelbagai syor dan pandangan telah dikemukakan agar Malaysia mempertimbangkan dengan teliti cadangan mewujudkan peruntukan bagi memastikan penjawat awam yang melakukan salah laku membelakangkan kepentingan awam sehingga merugikan negara termasuk menjurus kepada perbuatan rasuah dikenakan tindakan.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mencadangkan peruntukan baharu ini. Suruhanjaya berpandangan sudah sampai masanya ia diperkenalkan kerana terdapat kes-kes salah laku penjawat awam dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Laporan media bertarikh 14 November lalu menunjukkan sebanyak 4,693 laporan berkaitan salah laku rasuah membabitkan penjawat awam diterima oleh SPRM dalam tempoh lima tahun ini.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed juga berpandangan bahawa kerajaan perlu menggubal satu undang-undang khusus berkaitan salah laku dalam kalangan penjawat awam untuk membolehkan masalah ketirisan dan pembaziran yang didedahkan menerusi Laporan Ketua Audit Negara dapat diatasi.

Menurut beliau, kes penyelewengan dan rasuah bukanlah faktor utama dalam pendedahan laporan audit berkenaan, sebaliknya perbincangan antara beliau dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed mendapati masalah itu berpunca daripada penjawat awam yang tidak amanah dan sambil lewa dalam menjalankan tugas.

"Atas sebab itu, saya menyokong supaya satu akta dikenali sebagai Akta Salah Laku diperkenalkan di negara ini, seperti yang terdapat di Australia dan Hong Kong khusus bagi mendakwa penjawat awam yang tidak menjalankan tugas dengan amanah," katanya.

Nur Jazlan berkata, majoriti kes yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara berkenaan adalah mengenai pembelian barang dengan harga yang mahal hingga menimbulkan persepsi berlaku rasuah serta penyelewengan.

"Saya dimaklumkan Abu Kassim bahawa selepas penyiasatan dilakukan SPRM, kebanyakan kes berkenaan tidak membabitkan unsur rasuah cuma, ada penjawat awam yang tidak amanah serta sambil lewa dalam menjalankan tugas.

"Mereka tidak melakukan tugas dengan teliti ketika melakukan tugas kerana beranggapan bahawa ia bukan duit mereka jadi sinilah, berlaku masalah yang berulang kali dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara," katanya.

Bekas Timbalan Pesuruhjaya ICAC, Daniel Li juga pernah menarik perhatian bahawa Malaysia wajar mempertimbangkan dengan teliti cadangan mewujudkan undang-undang baharu ini bagi memastikan penjawat awam yang melakukan salah laku membelakangkan kepentingan awam sehingga merugikan negara termasuk menjurus kepada perbuatan rasuah dikenakan tindakan.

Menurut beliau cadangan yang dikemukakan oleh SPRM sebelum ini harus dipandang secara serius.

"Apabila SPRM sudah mengenal pasti isu yang perlu diambil perhatian terutama berkaitan salah laku penjawat awam, maka sudah tentu penguatkuasaan akan lebih efektif dengan wujudnya undang-undang sedemikian," katanya dipetik media tempatan baru-baru ini.



Beliau turut mengambil contoh pelaksanaan di Hong Kong menerusi Common Law yang mana penjawat awam boleh didakwa di mahkamah walaupun tiada bukti kukuh terhadap salah laku membabitkan perbuatan rasuah dalam kalangan mereka.

“Melalui undang-undang yang aktif dikuatkuasakan sejak 15 tahun lalu itu juga, penjawat awam yang menyalahgunakan kuasa atau melibatkan perbuatan rasuah membabitkan hubungan persaudaraan dengan penjawat awam boleh dikenakan tindakan,” katanya.

Dalam perkembangan ini, Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) dan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), dua daripada lima badan bebas yang memantau perjalanan SPRM, telah mengesyorkan agar kerajaan memberi perhatian serius mengenai ketirisan dan salah laku berhubung pendedahan Laporan Ketua Audit Negara 2012.

Jawatankuasa itu berpandangan bahawa undang-undang sedia ada kecuaian dan ketidakpatuhan tidak boleh dibawa ke mahkamah kerana ia bukan bersifat jenayah dan hanya melibatkan tindakan tatatertib atau surcuj semata-mata.

Oleh itu, JKMR telah mencadangkan supaya kerajaan bertindak tegas dan tidak berkompromi dalam isu ketirisan ini serta mencadangkan untuk memasukkan kesalahan ini dalam Akta SPRM 2009.

Usaha memerangi rasuah memerlukan pendekatan holistik. Dalam keadaan di mana sesetengah kes tidak dapat dibawa ke mahkamah mengikut peruntukan rasuah dan penyelewengan, skop perundangan lain yang berkaitan seperti 'misconduct in public office' wajar diberi pertimbangan demi kepentingan generasi akan datang.

**PENULIS** ialah Ahli Parlimen Kuala Selangor dan ahli Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, SPRM



**Rabu ,7 Januari 2015**

#### **7. Tubuh RCI siasat skandal balak Didakwa punca bencana banjir luar biasa di kelantan**

KUALA LUMPUR 6 Jan. - Kerajaan digesa menubuhkan suruhanjaya diraja bagi menyiasat skandal pembalakan di Kelantan yang didakwa menjadi punca utama berlakunya bencana banjir luar biasa di negeri itu.

Presiden Pertubuhan Minda dan Sosial Prihatin, K. Ramesh Rao berkata, suruhanjaya itu perlu dibarisi panel-panel bebas terutama yang pakar dalam alam sekitar bagi mengelakkan pengaruh politik dalam siasatan.

"Saya ada dokumen mengandungi senarai nama pemimpin kerajaan Pas Kelantan yang terlibat dalam skandal ini sama ada bekas atau yang masih menjadi Exco. Dianggarkan kekayaan yang telah mereka kaut daripada pembalakan itu mencecah RM600 juta dan disimpan dengan 'selamat' di luar negara terutama di selatan Thailand.

"Saya akan memberi kerjasama penuh kepada suruhanjaya tersebut nanti dengan menyerahkan dokumen berkenaan. Namun, selagi suruhanjaya tidak ditubuhkan, selagi itu dokumen ini tidak akan didedahkan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut Ramesh, kegagalan projek Ladang Rakyat antara contoh penyelewengan yang dilakukan kerajaan negeri Kelantan dan perkara tersebut diakui Ketua Audit Negara, Tan Sri Amrin Buang dalam laporannya sebelum ini.

"Kerajaan negeri kononnya menebang balak bagi membuka tanah supaya boleh menanam kelapa sawit. Tetapi tanah digondol, balak diambil, kelapa sawit tidak nampak," tegasnya.

Beliau menambah, tidak masuk akal jika banjir di Kelantan dikatakan berpunca daripada hujan semata-mata.

"Kalau di Terengganu, banjir di sana senario biasa. Tidak sampai hanyutkan rumah. Tidak nampak balak tersadai di tengah jalan. Tetapi di Kelantan, kita nampak balak atas rumah, di tengah jalan.

"Saya sendiri berada di sana ketika menghantar bantuan, saya lihat tanah dari bukit yang dibawa air meluncur dengan luar biasa, macam tiada benteng menahan tanah itu ke bawah," katanya.

Dalam pada itu, beliau menampelak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sebelum ini begitu lantang dalam memperjuangkan isu alam sekitar tetapi seolah-olah tidak nampak perkara yang berlaku di Kelantan.

"Sebagai contoh dalam isu Lynas, mereka boleh buat demonstrasi di sana sini, tetapi apa yang berlaku di Kelantan mereka tidak nampak. Kenapa tidak turun ke sana buat demonstrasi?" soalnya.



Rabu ,7 Januari 2015

#### **8. Cukai: Sasar RM17 juta**

##### **MBKT berusaha sediakan lebih banyak kemudahan**

KUALA TERENGGANU 6 Jan. - Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) menyasarkan kutipan cukai pintu dapat ditingkatkan kepada RM17 juta tahun ini dalam usaha menyediakan lebih banyak kemudahan buat warga bandar raya ini.

Datuk Bandar, Kamil Othman berkata, langkah mempertingkatkan hasil dengan cara menggalakkan penduduk tidak mengabaikan tanggungjawab mereka itu termasuklah dengan menyediakan insentif termasuk cabutan bertuah yang menawarkan sebuah kereta.

Katanya, soal hasil dan perancangan menambahkan punca pendapatan MBKT agar boleh berdikari menjadi keutamaannya sebaik diamanahkan jawatan itu mulai hari ini di samping menterjemahkan konsep Kuala Terengganu sebagai Bandar Raya Warisan Pesisir.

"Bagi mencapai matlamat awal ini, MBKT kini melancarkan peraduan cabutan bertuah yang menawarkan 50 hadiah menarik bernilai RM60,000 buat pembayar cukai termasuk sebuah kereta Perodua Alza.

"Kempen ini akan berlangsung sehingga 31 Ogos depan sebagai galakan buat orang ramai untuk melunaskan cukai pintu masing-masing sekali gus dapat mengurangkan tunggakan bernilai RM24 juta yang direkodkan MBKT selama ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Taklimat Ringkas MBKT di sini baru-baru ini.

Kamil memberitahu, tahun lalu, MBKT membelanjakan sebanyak RM12 juta dalam urus tadbirnya dan tahun ini perbelanjaan itu dijangka meningkat kepada RM24 juta.

Katanya, pertambahan itu banyak dipengaruhi oleh peningkatan jumlah kontraktor dan pekerja bagi memastikan aspek kebersihan di daerah ini terus dipertingkatkan.

Dalam pada itu, Kamil berkata, pihaknya akan mengadakan Hari Bertemu Pelanggan pada setiap Rabu, minggu pertama untuk mendengar sendiri permasalahan penduduk.



**Khamis ,8 Januari 2015**

#### **9. Hentikan tebang balak**

**Kediaman penduduk, pusat pelancongan terjejas teruk**

JERANTUT 7 Jan. - Kejadian banjir di sekitar daerah ini yang menyebabkan kediaman penduduk dan pusat pelancongan di persisiran Sungai Tembeling dan Sungai Pahang terjejas, didakwa berpunca daripada kegiatan penebangan hutan serta pembalakan secara komersial di kawasan hulu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, keadaan itu tidak ubah seperti yang berlaku di Cameron Highlands sehingga mengakibatkan banjir lumpur ekoran aktiviti pencerobohan tanah dan penerokaan hutan.

"Saya berharap kerajaan negeri menghentikan kegiatan berkenaan dan tidak meluluskan lesen mengeluarkan kayu balak di kawasan penampian berdekatan sungai serta pusat pelancongan taman negara.

"Tinjauan saya dari udara hari ini mendapati hampir keseluruhan hutan di Hulu Tembeling sudah diteroka dan penebangan balak berleluasa yang hampir sama seperti berlaku di Cameron Highlands baru-baru ini," katanya ketika meninjau kesan musibah banjir di Kampung Belebar, Kuala Tahan, dekat sini hari ini.

Terdahulu, beliau meninjau kawasan Taman Negara Kuala Tahan dan Hulu Tembeling yang terlibat dengan musibah banjir menggunakan helikopter. Yang hadir sama Ahli Parlimen Jerantut, Ahmad Nazlan Idris.

Shahidan berkata, semua kerajaan negeri wajar menghentikan kegiatan pembalakan bagi mengelakkan musibah banjir berlaku dengan lebih teruk sehingga menyusahkan rakyat pada masa akan datang.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga wajar menguatkuasakan peraturan pembalakan iaitu tidak sewenang-wenangnya meluluskan lesen pembalakan di kawasan penampian, hulu sungai, hutan simpanan dan berdekatan pusat pelancongan.

Katanya, mereka tidak boleh duduk diam dan mesti bertindak berasaskan peraturan tanpa memilih bulu terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab menebang pokok dan menerokai hutan secara haram.

"Musibah banjir lumpur dan hakisan di Cameron Highlands sebelum ini sepatutnya menyedarkan semua pihak supaya menjaga alam sekitar dan khazanah biodiversiti yang menjadi tarikan pelancong serta mendatangkan manfaat penduduk tempatan.

"Sikap rakus dan tangan-tangan gatal sesetengah pihak tidak bertanggungjawab menggunakan kuasa dan legitimasi orang tertentu telah meratah hutan menjadi gondol sehingga menyebabkan banjir besar serta menyusahkan rakyat," katanya.

Tambah beliau, Kerajaan Persekutuan menanggung kos yang tinggi untuk membiayai kebajikan mangsa banjir yang sengsara apabila harta benda mereka terjejas selain berdepan ancaman kehilangan nyawa jika berlaku musibah banjir.

"Pihak tidak bertanggungjawab mengaut keuntungan berlipat ganda tetapi tidak memikirkan nasib rakyat khususnya mangsa banjir yang hidup terseksa semasa dan selepas musibah ini," katanya.

#### 10. HRPZ II rugi RM12juta

KOTA BHARU 7 Jan. - Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) mengalami kerugian kira-kira RM12 juta kerana kerosakan mekanikal serta kelengkapan ketika banjir besar melanda negeri ini.

Pengarahnya, Datuk Dr. Ghazali Hasni Md. Hassan berkata, bagaimanapun jumlah tersebut bukan anggaran kerugian sebenar kerana jumlah itu dilihat berdasarkan senarai kerosakan yang dikeluarkan setakat ini.

"Kita sudah membuat senarai yang hampir lengkap mengenai kerosakan mekanikal termasuk peralatan dan perabot yang rosak akibat banjir. Daripada senarai tersebut, anggaran kerugian adalah kira-kira RM12 juta.

"Walau bagaimanapun, selepas ini, pihak kejuruteraan akan datang meneliti setiap senarai berkenaan dengan lebih terperinci bagi mendapatkan jumlah sebenar kerugian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan sumbangan alat penapis air daripada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Yang turut hadir, Penolong Pengurus Puncak Niaga Sdn. Bhd., Shaharuddin Maseri.

Pada majlis tersebut, sebanyak dua unit penapis air disumbangkan kepada HRPZ II sebagai misi bantuan sehingga bekalan air bersih kembali pulih seperti sedia kala.

Sementara itu, Ghazali Hasni berkata, sehingga kini, hampir 80 peratus perkhidmatan di HRPZ II sudah beroperasi sepenuhnya kecuali melibatkan operasi pembedahan yang masih dihentikan buat masa ini.

"Setakat ini, kira-kira 75 peratus pesakit yang dihantar ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian sebelum ini telah dibawa pulang dan dirawat di sini semula.

"Kita juga sedang membuat ujian klinikal bagi melihat tahap kebersihan udara di bilik bedah sebelum boleh beroperasi," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, dalam tempoh 24 jam ini, pihaknya telah menerima seramai 511 pesakit yang memerlukan rawatan selepas banjir.

"Kebanyakan pesakit yang diterima adalah berkaitan dengan bekalan ubat yang tidak mencukupi sewaktu banjir sehingga menyebabkan kesihatan terganggu.

"Selain itu, kita turut menerima pesakit yang mengalami masalah pernafasan akibat debu yang melanda selepas banjir," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya tidak terdedah dengan debu khususnya di kawasan-kawasan yang dilanda banjir bagi mengelak masalah kesihatan.

"Orang ramai dinasihatkan supaya memakai topeng muka ketika berada di luar bangunan bagi mengelak debu kerana boleh memudaratkan saluran pernafasan.

"Selain itu, bekalan air bersih juga perlu dijaga bagi mengelak penularan pelbagai jenis penyakit bawaan air," katanya.



**Khamis ,8 Januari 2015**

#### **11. Kerosakan aset PDRM di Kelantan RM15.3 juta - Ahmad Zahid**

KOTA BAHARU 8 Jan. - Kementerian Dalam Negeri (KDN) menganggarkan kerosakan aset Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kelantan berjumlah RM15.3 juta akibat banjir.

Menterinya Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerosakan berkenaan melibatkan bangunan, kenderaan, peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan dan 19 balai polis di lima jajahan iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Kuala Krai dan Gua Musang.

"Kawasan yang paling terjejas teruk ialah di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Krai di mana elemen-elemen yang saya sebut tadi terlibat tetapi kita merasa syukur kerana Pasir Puteh, Machang, Bachok serta Jeli tidak ada kerosakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat juruterbang ASP Amirul Adli Ahmad dan pembantu juruterbang ASP Hasli Hassan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian di sini, lewat malam tadi.

Kedua-dua mereka dan dua orang lagi yang menaiki helikopter PDRM terselamat apabila ia terhempas di Kampung Rambai Gobek, Tanah Merah, Rabu lepas ketika misi menghantar bekalan makanan kepada mangsa banjir.

Dua lagi mangsa dikenali sebagai Sarjan Mejar Mohd Hood Abd Majid dan Lans Koperal Arhafidah Zakaria.

Ahmad Zahid sebelum itu meluangkan masa meninjau kerosakan yang berlaku di bangunan IPK Kelantan dan Markas Operasi Bencana Banjir Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Kelantan di sini.-  
BERNAMA



Khamis ,8 Januari 2015

## **12. RM1billion projek kurangkan bencana banjir**

PASIR SALAK 8 Jan. - Kerajaan akan membelanjakan RM1.102 bilion tahun ini bagi melaksanakan beberapa projek khusus untuk mengurangkan bencana banjir yang melanda negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan berkata, ini melibatkan projek tebatan banjir dengan kos RM893.2 juta, projek mencegah hakisan pantai (RM87.4 juta) dan kerja mengorek kualiti sungai sebanyak RM40.5 juta.

Menurut beliau, turut dilaksanakan ialah pemulihan empangan (RM49.6 juta), kawalan isyarat bahaya banjir, penggantian peralatan pam dan peningkatan kawalan pintu saliran air (RM19.5 juta) dan RM12 juta untuk mempertingkatkan sistem ramalan kaji cuaca.

Kata beliau, setakat ini kebanyakan projek tersebut yang diumumkan Perdana Menteri dalam Bajet 2015 pada 10 Oktober tahun lalu belum dilaksanakan.

"Perbelanjaan ini masih belum dibuat. Saya cuma ingin menyatakan semula supaya kita sedar tentang komitmen kerajaan untuk mengurangkan kejadian banjir yang melanda negara ini.

"Sebagai contoh, baru-baru ini kita korek kualiti Sungai Pahang di Pekan di satu kualiti yang berasingan dari biasa. Hasilnya air Sungai Pahang menjadi deras kerana air keluar dan nampaknya telah membantu mengurangkan kesan banjir di sana," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas meninjau dan menemui mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Pasir Salak di sini hari ini.

Beliau turut menyumbangkan bantal, tilam dan selimut untuk 827 keluarga mangsa banjir yang berada di Parlimen Pasir Salak yang merupakan kawasan Parlimen ke-20 yang dilawatinya.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Ahmad berkata, peruntukan itu telah diluluskan Kementerian Kewangan dan semua Kementerian terlibat perlu memastikan rancangan tersebut dapat dilaksanakan segera supaya banjir dapat dikurangkan.

Dalam pada itu, kata beliau, sehingga kini sebanyak empat bantuan disalurkan kerajaan bagi membantu mengurangkan bebanan yang ditanggung mangsa banjir di seluruh negara.

Bantuan itu kata beliau, termasuklah bantuan persekolahan sebanyak RM100 yang telah mula diagihkan sejak semalam dan bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang diawalkan pemberiannya pada 15 Januari ini.

"Begitu juga dengan bantuan RM500 yang diberikan secara tunai untuk semua keluarga yang berpindah atau menumpang rumah keluarga akibat banjir serta bantuan di pusat pemindahan yang dibuka.

"Bagi kediaman penduduk yang rosak teruk atau hilang, bantuan itu akan diumumkan kemudian. Bantuan yang diberikan itu diharap mampu mengurangkan sedikit bebanan mereka yang terlibat," katanya.



Isnin ,12 Januari 2015

### **13. Papa bidas daftar pekerja asing di MyEG**

O OGoogle +OKUALA LUMPUR 11 Jan. - Tindakan Jabatan Imigresen mengarahkan semua urusan pembaharuan pas lawatan kerja sementara bagi pekerja asing secara manual dihentikan berkuatkuasa pada 5 Januari lalu dibidas pihak terbabit.

Presiden Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing (Papa), Jeffrey Foo berkata, tindakan itu seolah-olah mahu menindas majikan kerana mereka perlu mendaftar pekerja masing-masing secara dalam talian melalui perkhidmatan MyEG Services Berhad (MyEG).

Katanya, lebih menyukarkan apabila penukaran perkhidmatan yang tidak dimaklumkan terlebih dahulu itu turut mengenakan bayaran tambahan sebanyak RM38 setiap pekerja untuk urusan pentadbiran.

"Rata-rata majikan berasa sangsi dengan arahan baharu itu kerana sebelum ini bayaran levi pekerja asing ditetapkan sebanyak RM50, kemudian meningkat kepada RM125 dan kini kami perlu membayar RM38 lagi, ia agak keterlaluan kerana kami perlu menanggung kos tambahan yang banyak.

"Selain itu, kami juga meragui status MyEG ini, adakah ia jabatan atau agensi kerajaan? Bagaimana ia boleh bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan pendaftaran pekerja asing secara tiba-tiba," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai pengumuman Jabatan Imigresen yang menetapkan urusan pembaharuan pas lawatan kerja sementara pekerja asing secara manual di kaunter dihentikan di Semenanjung, 2 Januari lalu.



Sementara itu Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, Jabatan Imigresen perlu memastikan perkhidmatan yang ditawarkan MyEG berbaloi dengan kadar bayaran dikenakan terhadap majikan pekerja asing.

"Situasi ini sebenarnya sama dengan pengguna kenderaan, jika mahu tiba ke destinasi dengan cepat, mereka akan menggunakan lebuh raya, jadi sudah tentu kena membayar perkhidmatan tol.

"Majikan yang berkaitan tidak perlu tergopoh-gapah dalam hal ini, mereka sepatutnya tengok dahulu cara dan kaedah perkhidmatan MyEG ini dalam tempoh sebulan dan sekiranya tidak memuaskan, kita sepakat membuat aduan bersama-sama," katanya.



**Isnin ,12 Januari 2015**

#### **14. Klinik sementara di kabin**

##### **Ekoran 5 Klinik Kesihatan, 13 Klinik desa musnah akibat banjir**

TEMERLOH 11 Jan. - Kementerian Kesihatan akan menempatkan kabin bagi menggantikan klinik kesihatan dan klinik desa yang musnah akibat banjir bagi meneruskan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat seperti biasa.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, kabin ini akan digunakan untuk tempoh sehingga setahun sebelum bangunan kekal dibina semula.

Menurut beliau, secara keseluruhan lima klinik kesihatan dan 13 klinik desa musnah teruk serta perlu dibina semula pada masa akan datang di kawasan yang lebih strategik.

"Semua ini memerlukan kos tinggi dan saya akan mohon kepada Kementerian Kewangan. Namun yang pasti kementerian saya juga terpaksa berjimat dan menghemat penggunaan bajet," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (Hoshas) di sini hari ini.

Tambah Subramaniam, pihaknya menganggarkan kerugian yang dialami mencecah RM900 juta membabitkan kerosakan peralatan perubatan termasuk beberapa klinik kesihatan dan desa seluruh negara yang terjejas teruk akibat banjir.

"Laporan kerugian tidak rasmi diterima oleh kementerian setakat ini bernilai RM300 juta dan menjangka angka itu akan bertambah apabila laporan rasmi siap," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kementerian akan mengadakan perbincangan untuk merangka prosedur operasi standard (SOP) dalam menghadapi bencana banjir pada masa akan datang.

Menurutnya, persediaan logistik seperti penggunaan helikopter dan bot penyelamat termasuk latihan simulasi bencana kepada kakitangan perlu dilakukan untuk memastikan mereka bersedia pada masa akan datang.

"Kementerian perlu mengambil teladan daripada musibah banjir baru-baru ini yang menuntut keperluan penggunaan helikopter dan bot dalam waktu-waktu krisis untuk pergerakan bantuan serta keselamatan.

"Kita tak boleh harapkan pihak lain kerana mereka juga memerlukan bantuan sama. Perkhidmatan kesihatan bukan sesuatu yang boleh dihentikan secara total, ia perlu beroperasi untuk memberi perkhidmatan kepada orang awam walaupun kita ditimpa bencana," katanya.



**Isnin ,12 Januari 2015**

#### **15. SPRM tubuh jawatankuasa elak penyelewengan dana banjir**

PUTRAJAYA 12 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Audit Negara hari ini menubuhkan sebuah Jawatankuasa Integriti Pengurusan Tabung dan Dana Banjir bagi memastikan pengurusan dana serta tabung banjir dikendalikan dengan telus.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkata, jawatankuasa itu yang akan beroperasi di pejabat SPRM Kelantan akan berperanan menyiasat segala aduan dan maklumat mengenai penyelewengan serta salah laku dalam pengurusan dana tersebut.

Katanya, orang ramai yang mempunyai sebarang aduan berhubung salah laku itu boleh menghubungi bilik gerakan itu di talian 019-2849134, 019-2849234 atau 019-2849389. - UTUSAN ONLINE

#### 16. Jawatankuasa siasat pengurusan tabung, dana banjir ditubuhkan

PUTRAJAYA 12 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat aduan orang ramai berhubung salah laku pengurusan dana banjir yang disalurkan pelbagai pihak di beberapa negeri baru-baru ini.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkata, Jawatankuasa Integriti Pengurusan Tabung dan Dana Banjir itu merupakan inisiatif Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan kerjasama SPRM dan Jabatan Audit Negara yang bertujuan memastikan pengurusan perkara itu dikendalikan secara telus.

Katanya, jawatankuasa yang diketuai Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar Ali itu juga berperanan membantu kerajaan dalam memastikan bantuan berkenaan diuruskan dengan teratur seterusnya sampai kepada mangsa-mangsa banjir.

"Selain menyiasat sekiranya terdapat aduan bagi dana yang disalurkan oleh kerajaan, jawatankuasa ini juga akan memantau pengurusan dana yang dibuat oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) jika terdapat penyelewengan," katanya selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa tersebut di Ibu Pejabat SPRM di sini hari ini.

Yang hadir sama, Setiausaha MKN, Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab dan Timbalan Ketua Audit Negara (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan), Datuk Anwari Suri.

Abu Kassim berkata, jika terdapat mana-mana pihak menyalahgunakan dana terbabit mereka boleh disiasat mengikut Akta Pencegahan Rasuah dan Kanun Keseksaan iaitu bergantung kepada kesalahan yang dilakukan.

Beliau berkata, sekiranya pesalah terbabit memalsukan dokumen pula, mereka boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan manakala pelaku yang membuat tuntutan palsu akan disiasat di bawah Seksyen 18 Akta Pencegahan Rasuah.

Dalam pada itu, beliau berkata, orang ramai yang mempunyai sebarang aduan boleh menghubungi talian 019-2849134, 019-2849234 atau 019-2849389.

Tambah beliau, setakat ini pihaknya hanya menerima satu aduan berhubung penyelewengan dan salah laku tetapi selepas disiasat perkara itu berlaku akibat penyelarasan bantuan yang mengambil sedikit masa dan kini telah diselesaikan.

Sementara itu, Mohamed Thajudeen berkata, tujuan utama penubuhan jawatankuasa berkenaan bagi memastikan pengurusan perbelanjaan dilaksanakan dengan telus, berhemat, berintegriti dan mengelak daripada berlakunya penyelewengan serta salah guna peruntukan.

"Menerusi mesyuarat bersama SPRM dan Jabatan Audit Negara kita berbincang berhubung langkah terbaik, ketelusan dan integriti dalam menguruskan perbelanjaan peruntukan khas yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kepada mangsa banjir pada Disember lalu," katanya.



**Selasa ,13 Januari 2015**

#### **17. Empat klinik desa dinaik taraf**

KEMAMAN 12 Jan. - Kementerian Kesihatan akan menaik taraf empat buah klinik desa di dua daerah di negeri ini yang kerap kali terjejas akibat banjir menjadi klinik kesihatan dan dipindah ke lokasi kurang berisiko.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, langkah itu melibatkan klinik desa Seberang Tayor dan Pasir Gajah di daerah ini di samping klinik desa Pasir Raja dan Kuala Jengai di Dungun.

"Kesemua klinik terjejas itu perlu dipindahkan bagi memastikan perkhidmatan tidak terjejas dan mengelakkan pihak kementerian mengalami kerugian besar saban tahun bagi kerja baik pulih dan menggantikan peralatan.

"Kos pembangunannya dianggarkan sebanyak RM20 juta," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat Hospital Kemaman di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Anwa Sulaiman; Timbalan Pengarah Kesihatan, Dr. Mohamad Nor dan Pegawai Kesihatan Daerah, Dr. Mohd Anuar Abdul Rahman.

Katanya, semasa banjir penghujung tahun lalu, empat klinik itu mengalami kerugian minimum kerana persiapan awal telah dilakukan dan segala peralatan serta ubatan telah dialih ke tempat selamat terlebih dahulu.

Mengulas lanjut, Hilmi berkata, kerja naik taraf setiap klinik terjejas dianggarkan menelan belanja sebanyak RM5 juta dan pembinaan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun.

Mengenai lokasi baharu untuk pembinaan kesemua klinik berkenaan, beliau memberitahu, pihaknya setakat ini sedang mengenal pasti lokasi strategik untuk pastikan klinik yang dibina kelak bebas daripada ancaman banjir.

"Ini bagi memastikan perkhidmatan dan rawatan masih boleh diberi kepada rakyat. Walaupunklinik ditenggelami banjir, kita sebelum ini membuka khemah di lokasi terjejas untuk membolehkan pesakit mendapatkan rawatan," katanya.

Bagaimanapun pihaknya akan menambah baik kemudahan rawatan ini ke dalam kabin secara berperingkat sebelum klinik kesihatan yang bakal dibina ini dapat beroperasi sepenuhnya.



**Isnin ,19 Januari 2015**

#### **18. 15,000 katil tambahan diperlukan di hospital seluruh negara**

Menteri berkenaan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, berikutan penduduk yang ramai, berlaku kesesakan yang tidak dapat dielakkan di hospital kerajaan yang turut menjejaskan keselesaan pesakit, dan mutu perkhidmatan yang diberi.

"Nisbah ketika ini adalah 1.9 katil untuk 1,000 populasi. Jika kami dapat menyediakan sekurang-kurangnya 15,000 katil, kita akan dapat nisbah 2.5 untuk 1,000 populasi dan itupun dikira sederhana.

"Ini bermakna setiap tahun kami perlu sediakan katil, barulah kita akan capai sasaran itu," katanya kepada pemberita selepas melawat Hospital Kemaman di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Mohamad Nor dan Pegawai Kesihatan Daerah, Dr. Mohd. Anuar Abdul Rahman. - Bernama



**Selasa ,20 Januari 2015**

#### **19. Utamakan enam perkara**

##### **Peringatan Perdana Menteri kepada penjawat awam**

PUTRAJAYA 19 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menggariskan enam perkara yang perlu diambil perhatian oleh penjawat awam pada awal 2015.

Dalam aspek ekonomi, Najib berkata, tumpuan perlu diberi kepada perubahan landskap ekonomi dunia membabitkan kejatuhan harga minyak selain fokus kepada cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dan Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMK-11).

Perdana Menteri pada masa yang sama mahu tumpuan diberikan kepada ancaman militan Negara Islam (IS) selain mempercepatkan usaha membaik pulih kerosakan akibat banjir.

Najib turut menyeru supaya Malaysia memanfaatkan kedudukan sebagai Pengerusi ASEAN pada 2015 untuk meletakkan imej negara dalam keadaan terbaik.

Mengenai GST, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, penjawat awam perlu bekerjasama secara kolektif untuk memastikan cukai tersebut dilaksanakan dengan baik selain memastikan harga barang tidak meningkat secara berlebihan.

"Pada masa yang sama, kita perlu memenuhi hasrat untuk mengukuh-kan dasar fiskal, ia merupakan asas penting untuk memastikan kerajaan mempunyai kewangan yang kukuh dan ekonomi kita berdaya tahan tinggi," katanya dalam perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri-menteri di Jabatan Perdana Menteri; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Dalam pada itu, Najib turut mengingatkan penjawat awam mengenai kepentingan RMK-11 yang merupakan rancangan lima tahun terakhir untuk menuju ke 2020.

"Kita perlu pastikan (RMK-11) memberi keyakinan bahawa apa yang diharapkan (pada 2020) dapat menjadi kenyataan," katanya.

Sementara itu, Najib berkata, peranan yang dimainkan Malaysia di peringkat antarabangsa khususnya sebagai Pengerusi ASEAN mewujudkan peluang untuk mempamerkan negara ini secara menyeluruh di mata dunia.

"Di Kuala Lumpur juga, pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN akan diumumkan. Kita perlu gunakan peluang yang ada untuk meletakkan imej negara dalam keadaan terbaik," katanya.



Isnin, 26 Januari 2015

## **20. Prestaring terima kontrak Kementerian Kewangan**

KUALA LUMPUR 25 Jan. - Syarikat teknologi maklumat milik Bumiputera, Prestariang Bhd. (Prestariang) telah menerima Surat Penganugerahan daripada Kementerian Kewangan untuk menyediakan perisian Microsoft kepada semua agensi-agensi kerajaan di negara ini, di bawah Perjanjian Pelesenan Utama (MLA) 2.0.

Penganugerahan itu diberikan kepada subsidiari penuh milik Prestariang, Prestariang Systems Sdn. Bhd. menerusi surat yang bertariikh 21 Januari lalu untuk melantik syarikat itu sebagai Rakan

Penyelesaian Berlesen Microsoft (LSP Microsoft) bagi menawarkan perisian Microsoft kepada agensi-agensi itu.

Kontrak itu bermula pada 1 Februari 2015 bagi tempoh tiga tahun. Bagaimanapun, nilai kontrak tersebut tidak diberitahu.

Ketua Pegawai Eksekutif Prestariang, Dr. Abu Hasan Ismail berkata, MLA 2.0 merupakan kontrak utama yang dimiliki syarikatnya.

"Kertas cadangan kami menawarkan kelebihan dari segi harga, dan kelebihan itu dapat membantu Majlis itu dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah. Yang turut hadir, dua Timbalan Menteri Kewangan iaitu Datuk Ahmad Maslan dan Datuk Chua Tee Yong.

Dalam perkembangan berkaitan Khazali berkata, kutipan terkini kastam sehingga 23 Januari lalu adalah sebanyak RM1.9 bilion. "Ini merupakan permulaan yang memberangsangkan bagi pihak kastam dan kita berharap untuk terus mengekalkan rekod cemerlang pada tahun ini," katanya. kerajaan menguruskan pembelian perisian untuk kesemua agensi-agensi kerajaan di seluruh negara," katanya dalam kenyataan.



Isnin, 26 Januari 2015

## **21. Kastam pungut cukai RM35bilion sepanjang 2014**

**Kutipan meningkat 5 tahun berturut-turut**

PUTRAJAYA 26 Jan. - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengekalkan trend peningkatan kutipan hasil selama lima tahun berturut-turut sejak 2010 apabila berjaya memungut cukai sebanyak RM35 bilion pada tahun lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Khazali Ahmad berkata, pungutan cukai tersebut merupakan jumlah tertinggi dalam sejarah kastam dengan peningkatan sebanyak RM2.07 bilion iaitu 5.8 peratus berbanding tahun 2013.

"Sasaran kita adalah RM36 bilion tetapi kita berjaya catat kutipan sebanyak RM35 bilion. Saya ucapkan tahniah kepada semua warga JKDM dengan komitmen yang diberikan sepanjang tahun lalu," katanya ketika berucap dalam majlis sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-33 di sini hari ini.

Sementara itu, beliau berkata, sepanjang tahun lalu JKDM telah merekodkan 5,944 kes yang melibatkan nilai rampasan sebanyak RM726 juta serta cukai berjumlah RM437 juta.



Bagaimanapun, jelas beliau, bilangan kes rampasan itu menurun sebanyak 16 peratus pada tahun lalu berbanding 2013 berikutan kecekapan pihak kastam.

Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa tugas yang diberikan oleh kerajaan kepada pihak kastam sebagai agensi pelaksana cukai barangan dan perkhidmatan (GST) merupakan satu tanggungjawab besar. JKDM jelas beliau, berharap dapat melaksanakan tanggungjawab itu dengan baik.

"Setakat 21 Januari lalu, jumlah syarikat yang mendaftar untuk GST adalah sebanyak 306,887 dan angka itu telah melepasi sasaran iaitu sebanyak 300,000 pendaftaran," katanya.



**Jumaat ,30 Januari 2015**

## **22. Lahirkan tenaga kerja mahir yang mencukupi**

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kesimbangan dalam menghasilkan tenaga mahir yang mencukupi dalam setiap sektor sangat penting kerana mampu memberi impak kepada produktiviti dan daya saing.

Menurutnya, Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia perlu menyelaras usaha perancangan tersebut dengan disokong oleh kementerian dan agensi yang bertanggungjawab dalam sektor masing-masing.

"Peranan majikan juga sangat penting dalam membantu menghasilkan tenaga kerja yang produktif kerana dalam Bajet 2015 kerajaan menyediakan dana RM300 juta di bawah program Persijilan Profesional dan Pengiktirafan Industri 1Malaysia Peringkat Global (1MalaysiaGRIP).

"Ini bagi menggalakkan majikan khususnya sektor-sektor berimpak tinggi melatih pekerja secara berterusan untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran mereka," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot; Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Rashid Shirlin; dan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Muttalib.

Muhyiddin berkata, menjelang tahun 2020, 50 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja di negara ini perlu terdiri dari kumpulan tenaga kerja mahir namun Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh menunjukkan pekerja mahir hanya pada kadar 25 peratus berbanding 30 peratus di Singapura, Korea Selatan dan Taiwan.

Sehubungan itu, kerajaan bertekad memperkasakan lagi pembentukan tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi di institusi pendidikan dan latihan kemahiran tempatan dengan memperuntukkan



RM2.1 bilion untuk mengukuhkan agenda program Transformasi Vokasional dan Teknik serta pelaksanaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT).

"Saya menyeru semua kementerian dan agensi yang terlibat berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan inisiatif ini bagi meningkatkan bilangan, kualiti dan kebolehpasaran tenaga kerja mahir dalam setiap bidang," katanya.

Menurutnya, kerajaan akan terus menekankan program-program menggalakkan masyarakat, khususnya ibu bapa dan belia, menilai dan menerima bidang teknikal dan vokasional sebagai peluang kerjaya yang menjamin masa depan dan menawarkan pendapatan lumayan.